

12 JUN 2002

MAHATHIR-LIBERALISASI/I

LIBERALISASI ADALAH MEKANISME PERKUKUH SISTEM KEWANGAN

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

LUXEMBOURG, 12 Jun (Bernama) - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata liberalisasi bukan sekadar untuk membenarkan kemasukan lebih besar pelabur asing ke dalam pasaran tetapi juga sebagai merupakan satu mekanisme memperkukuh dan memajukan sistem kewangan sesebuah negara, serta menggalakkan potensi pertumbuhan ekonomi negara.

"Khususnya bagi Malaysia, memandangkan peranan sektor kewangan adalah sebagai pemboleh pertumbuhan, ia merupakan unsur penting yang memudahkan pembangunan dan transformasi pembangunan negara.

"Sektor kewangan, dengan itu, merupakan strategik, dan lebih-lebih lagi sekarang, perlu terus efektif dan responsif dalam menghadapi ekonomi domestik yang semakin global," kata perdana menteri dalam ucaputamanya pada pertemuan dengan golongan perniagaan Luxembourg, yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan Luxembourg, Persatuan Pegawai-Pegawai Bank Luxembourg dan Persekutuan Pengusaha Industri Luxembourg di sini hari ini.

Beliau tiba di Luxembourg dari Geneva, Switzerland malam tadi untuk lawatan rasmi dua hari, yang pertama oleh Perdana Menteri Malaysia ke negara terkecil dalam 15 anggota Kesatuan Eropah, tetapi satu merupakan satu daripada pusat perbankan dan kewangan tersibuk di benua Eropah.

Dr Mahathir, yang disertai delegasi ahli perniagaan Malaysia yang diketuai oleh Pengerusi Kumpulan Perbankan Arab-Malaysian Tan Sri Azman Hashim, berkata liberalisasi sepatutnya sentiasa dipertimbangkan dalam konteks membangunkan sektor kewangan dalam menyokong ekonomi domestik.

Beliau berkata terdapat tanggapan umum bahawa proses persaingan melalui deregulasi, liberalisasi dan pembukaan sekatan serta kawalan adalah perlu untuk mencapai sistem perbankan yang kukuh dan cekap.

"Malaysia sedar yang ia tidak boleh terlepas daripada tekanan globalisasi dan liberalisasi. Ia akan terus mengutarakan cara-cara bagaimana globalisasi boleh memberi faedah kepada lebih ramai orang.

"Bagaimanapun, kami mempersiapkan ekonomi kami dan sistem kewangannya agar dapat mengatasi dengan berkesan cabaran yang kami jangkakan," tambah beliau.

Sambil menegaskan mengenai pentingnya sektor kewangan yang kukuh kepada pertumbuhan ekonomi dalam negara, perdana menteri berkata risiko yang jelas dan kebimbangan apabila meliberalkan sektor kewangan tidak boleh diabaikan.

Semasa berkongsi pengalaman liberalisasi Malaysia, beliau berkata negara menghadapi cabaran yang berterusan dalam menggunakan strategi yang boleh membantu memaksimumkan faedah liberalisasi, di mana pada masa yang sama meminimalkan risiko yang berkait dengan perubahan.

Yang sangat penting, kata Dr Mahathir, merupakan imbalan liberalisasi dengan pertimbangan pembangunan dan perlindungan bukan sahaja kestabilan kewangan tetapi juga kestabilan sosio ekonomi.

Beliau berkata Malaysia mensasarkan untuk membangunkan satu sistem kewangan yang berkesan dan dinamik yang akan memberikan peranan penting dalam memenuhi agenda sosio-ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata: "Terburu-buru untuk liberalisasi tanpa membuat pertimbangan kepada keperluan ini akan hanya memberi risiko ketidakstabilan kewangan dan sosio-ekonomi dalam tempoh sederhana.

"Sepertimana yang dilihat dalam beberapa keadaan, ketidakstabilan kewangan hasil daripada ketidaksesuaian liberalisasi kewangan akan mengakibatkan ketidakstabilan sosio-ekonomi yang merosakkan."

Menyedari risiko persekitaran yang lebih liberal, perdana menteri

berkata, Malaysia sentiasa mengambil langkah untuk mengadakan rangka kerja institusi yang perlu serta mewujudkan pra syarat yang dikehendaki bagi memastikan kelicinan langkah-langkah liberalisasi.

Dalam beberapa dekad lepas, Malaysia telah memberi tumpuan kepada mewujudkan keadaan makroekonomi yang stabil, rangka kerja berhemat yang kukuh dan diselia bagi memastikan fungsi pasaran yang betul, katanya.

Pada masa depan, Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus komited untuk terus meliberalisasi sektor kewangan dan laluan liberalisasi adalah selaras dengan Pelan Induk Sektor Kewangan (FSMP), rangka tindak bagi pembangunan sektor kewangan yang efektif, kompetitif dan dinamik dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata meskipun terdapat FSMP, tanggungjawab bagi memastikan kejayaan liberalisasi sepatutnya tidak diletakkan kepada Malaysia sahaja.

Kepentingan asing yang diberi akses kepada Malaysia boleh dianggap peranan yang lebih aktif dalam sektor kewangan memajukan negara, terutamanya melalui tawaran bantuan teknikal dalam bidang-bidang di mana kepakaran tempatan berkurangan, kata beliau.

Dalam hal ini, Dr Mahathir menyeru para pelabur asing supaya membantu melalui pemindahan teknologi, pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan kapasiti dan kemampuan institusi kewangan Malaysia.

Beliau bersetuju bahawa Malaysia mendapati ianya penting untuk menghadkan penyertaan agensi asing tetapi berkata ia sentiasa menggalakkan peranan pelabur asing yang lebih luas dalam sektor kewangan domestik.

Beliau menjelaskan bahawa peranan sedemikian bukan hanya memperkukuhkan sektor kewangan Malaysia tetapi juga mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan bagi entiti asing dalam negara. -- BERNAMA

MFJ MKO KTC NHD JR